

01/11/2001

PM arah projek luar bandar disiapkan dalam dua bulan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan supaya semua projek kecil luar bandar yang sepatutnya diselesaikan pelaksanaannya tahun ini, disiapkan dalam tempoh dua bulan ini.

Perdana Menteri juga mahu wakil rakyat, terutama Ahli Parlimen memastikan projek itu berjalan mengikut jadual dan bagi yang masih lembab, dipercepatkan pelaksanaannya.

Ingatan Dr Mahathir itu disampaikan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pertemuan khas dengan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional pada taklimat selama hampir tiga jam di hotel Mandarin Oriental di sini, malam ini.

Hadir sama pada majlis yang didahului jamuan malam itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, beberapa timbalan menteri dan setiausaha Parlimen serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Abdullah berkata unit penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri akan memantau semua projek kecil luar bandar itu dan akan memberi laporan dari semasa ke semasa mengenai kemajuannya.

"Kebanyakan wakil rakyat menyuarakan aduan mengenai masalah penyelarasan menyebabkan projek ini agak perlahan dilaksanakan. Itu yang banyak timbul, iaitu antara projek yang hendak dilaksanakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen.

"Jadi, semua projek yang diluluskan untuk pelaksanaan tahun ini, mesti diselesaikan pada tahun ini juga. Perdana Menteri sendiri baru-baru ini ada menyatakan bahawa peratusan perbelanjaan untuk projek (yang diluluskan) masih kecil," katanya.

Bagaimanapun, katanya, soal kerenah birokrasi bukan halangan, cuma kelembapan pelaksanaan bagi projek yang sudah dikenal pasti dan wakil rakyat boleh membantu menangani masalah berbangkit.

Ditanya apakah beliau sendiri tidak puas hati mengenai kelewatan pelaksanaan projek kecil luar bandar itu, Abdullah berkata: "Saya tak kata saya tak puas hati, tetapi kita nak pastikan kita laksanakan dan pantau (projek) supaya nanti tidak berlaku sebarang masalah."

Bagaimanapun, katanya, masalah seperti itu berlaku setiap tahun dan kini kerajaan mahu supaya ia ditangani sebaik mungkin.

Katanya, memandangkan baki cuma dua bulan bagi tahun ini, semua pihak diminta memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek supaya tidak dilengahkan lagi.

(END)